



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 2 OGOS 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	300 PEGAWAI VETERINAR PANTAU IBADAH KORBAN, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -37	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA (JPV)
2.	PENGUSAHA LADANG TERNAKAN BOLEH DIDENDA, DIPENJARA, NASIONAL - BERITA HARIAN -14	
3.	CECAIR SUNTIKAN BOLEH SEBAB KANSER, NASIONAL -BERITA HARIAN -14	
4.	'ADA INDIVIDU TAWAR KHIDMAT', NASIONAL -BERITA HARIAN -14	
5.	PISANG DISERANG PENYAKIT MOKO, NEGARA, KOSMO -10	LAIN-LAIN
6.	OKU CEKAL USAHAKAN TERNAKAN IKAN SANGKAR, NEGARA, KOSMO -14	
7.	PAHANG RUGI RM30 JUTA, NEGERI SELANGOR.KL/PAHANG/P.PINANG, SINAR HARIAN -39	
8.	PAHANG'S SOLUTION TO 'MUSANG KING CRISIS', NEWS/NATION -NEW SUNDAY TIMES -10	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2020	MINGGUAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	37

## 300 pegawai veterinar pantau ibadah korban

**PUTRAJAYA:** Seramai 300 pegawai pemeriksa Jabatan Perkhidmatan Veterinar ditugaskan melakukan pemantauan dan pemeriksaan sepanjang ibadah korban dilaksanakan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Norlizan Mohd. Noor berkata, pemantauan itu melibatkan lokasi di luar rumah sembelihan jabatan berkenaan dan swasta yang dilesenkan seperti masjid, surau serta kawasan persendirian.

Katanya, selain memastikan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi, pemantauan itu memastikan proses sembelihan yang dijalankan mempunyai permit dan ternakan disembelih memiliki Sijil Kesihatan Veterinar (SKV).

"Pemantauan ini juga memastikan tapak penyembelihan yang digunakan itu sesuai, bersih dan selamat serta tidak berhampiran saluran awam.

"Keadaan ternakan yang disembelih juga diperiksa sebelum proses sembelihan bermula. Ini bagi memastikan haiwan itu bebas penyakit dan sesuai untuk dikorbankan manakala dagingnya selamat diedarkan kepada orang ramai," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini.

Norlizan berkata, pemantauan itu bukan bertujuan mengganggu proses sembelihan dijalankan orang ramai sebaliknya membantu mereka melaksanakan ibadah tersebut.

Katanya, dalam keadaan pandemik Covid-19 yang



**NORLIZAN MOHD. NOOR**

belum berakhir, kerjasama masyarakat diperlukan dalam mematuhi SOP dan syarat-syarat ditetapkan.

Tambahnya, selain jabatannya, ibadah korban kali ini juga dipantau beberapa pihak seperti Jabatan Kesihatan, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Agama Islam di kawasan masing-masing.

Sebanyak 28 rumah sembelihan di seluruh Semenanjung sedia beroperasi dengan 12 daripadanya memenuhi syarat Sistem Jaminan Rangkaian Bekalan Pengeksport bagi tujuan penyembelihan ternakan dari Australia.

Sehingga kini, jabatan mengeluarkan lesen kepada 31 rumah sembelih ruminan swasta di seluruh Semenanjung bagi tujuan penyembelihan ternakan korban, katanya.

**Suntikan hormon sebagai penggalak tumbesaran memang tidak dibenarkan sama sekali di Malaysia.**

**Dr Norlizan Mohd Noor,**  
Ketua Pengarah Jabatan  
Perkhidmatan Veterinar



## Pengusaha ladang ternakan boleh didenda, dipenjarakan

**Kuala Lumpur:** Sebarang penggunaan suntikan hormon atau penggalak tumbesaran kepada haiwan ternakan bagi tujuan pengkomersialan adalah dilarang di Malaysia.

Pendekatan bagi tujuan mempercepatkan tumbesaran, demi mengaut keuntungan dalam jangka pendek itu, menyalahi peruntukan Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698).

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, ketika menjelaskan perkara itu, berkata hanya ubat-ubatan mendapat kelulusan dan berdaftar, selain tidak bercanggah dengan Akta 698 boleh diberikan kepada haiwan ternakan.

Katanya, pengusaha ladang ternakan atau mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan mengikut akta berkenaan dan disabitkan bersalah boleh dikenakan tindakan penjara serta denda.

"Suntikan hormon sebagai penggalak tumbesaran memang tidak dibenarkan sama sekali di Malaysia kerana pendekatan singkat seperti ini berupaya memberi kesan negatif kepada manusia.

"Oleh itu, ia dilarang, namun ada sesetengah ubat seperti antibiotik yang mendapat kebenaran untuk digunakan dalam penternakan haiwan bagi tujuan pengkomersialan.

"Penggunaan setiap antibiotik ini bagaimanapun harus mendapat preskripsi daripada doktor veterinar, sebelum diberikan kepada haiwan ternakan.

"Menerusi pemantauan dan kajian terhadap kesan sampingan, ada sesetengah antibiotik yang JPV kuat kuasakan larangan penggunaan, seperti colistin dalam industri penternakan ayam sejak 2019 lalu," katanya ketika dihubungi *BH*, hari ini.

Semakan terhadap Seksyen 19(2) Akta Makanan Haiwan 2009 memperuntukkan mana-mana individu yang disabitkan bersalah kerana memasukkan antibiotik, hormon atau

bahan kimia ke dalam haiwan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, mereka boleh didenda tidak melebihi RM200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

*BH* semalam, mendedahkan lembu yang diseludup dari negara jiran ke Malaysia, disuntik hormon penggalak bagi menyegerakan tumbesaran dan meningkatkan berat sehingga mencecah 10 kilogram dalam tempoh dua minggu, sebelum dijual kepada pelanggan.

Memperincikan kesan sampingan terhadap manusia, Dr Norlizan berkata, penggunaan bahan kimia, sama ada hormon atau antibiotik bagi tujuan penggalak tumbesaran boleh mengundang pelbagai impak negatif.

Mengarabik contoh antibiotik, beliau berkata, tindakan memasukkan bahan kimia itu ke dalam haiwan ternakan berupaya menyebabkan manusia rintang kepada kesan ubat.

"Kalau kita gunakan tanpa preskripsi daripada doktor veterinar dan tanpa kawalan, kesannya akan diturunkan kepada manusia yang makan daging berkenaan.

"Kita jadi rintang kepada sesetengah antibiotik, justeru penggunaan secara sewenang-wenangnya memang tidak dibenarkan, khususnya membabitkan penggalak tumbesaran kerana ia bahaya.

"Malah, JPV kini pada peringkat untuk mengemukakan penguatkuasaan larangan membabitkan lima antibiotik lain, menjelang September ini, selepas dikenal pasti mempunyai kesan sampingan.

"Kita minta kerjasama awam, jika ada kes begini (penggunaan bahan kimia dalam haiwan ternakan), lapor kepada JPV untuk tindakan siasatan dan penguatkuasaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

*Lembu seludup disuntik hormon*

# Cecair suntikan boleh sebab kanser

Orang ramai diminta elak ambil daging lembu seludup

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Luqman Ariff Abdul Karim dan Syaherah Mustafa  
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Orang ramai perlu berwaspada dan sebolehnya mengelak pengambilan daging daripada lembu seludup yang disuntik hormon penggemuk.

Hormon atau steroid yang diberikan secara suntikan atau minuman kepada ternakan bagi mempercepatkan tumbesaran itu, boleh memberi kesan karsinogenik yang menyebabkan kanser kepada orang ramai.

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Dr Mohd

Azam Khan Goriman Khan, berkata ketika ini ada pandangan yang berbeza mengenai kesan penggunaan bahan terbabit kepada daging ternakan.

"Walaupun ketika ini ada pandangan berbeza mengenainya kesannya pada daging, sama ada selamat dimakan atau tidak. Ada yang menjawab ia tidak berbahaya, namun lebih baik dielakkan.

"Tanpa pengawasan pihak berkuasa veterinar, pihak terbabit tidak tahu jenis penggalak tumbesaran ternakan digunakan, sama ada vitamin, antibiotik, steroid atau hormon atau memabitkan campuran lain," katanya kepada *BH*.

Dr Mohd Azam berkata, sudah ada kajian serta penyelidikan berkaitan impak bahan terbabit kepada tumbesaran lembu serta kesannya terhadap kesihatan manusia.

"Apa yang dikhuatirkan ialah berlaku pembentukan kerintangan antimikrobial (antimicro-

bial resistant) daripada penggunaan bahan terbabit yang diberi tanpa kawalan dalam proses membela ternakan.

"Penggunaan vitamin sahaja tidak boleh secara sendirinya menggemukkan lembu, apatah lagi dalam masa yang singkat. Ramai tidak tahu vitamin dan steroid adalah dua entiti berbeza dan cara untuk kita kenal pasti apa yang disuntik kepada lembu, hanyalah melalui pemeriksaan pihak berwajib.

"Menggemukkan lembu bergantung kepada makanan utama, iaitu foraj seperti rumput segar, rumput kering, silaj dan ada penternak menggunakan konsentrat seperti kelapa sawit," katanya.

Beliau berkata, vitamin dan mineral penting dan mempunyai banyak peranan dalam badan haiwan antaranya untuk fungsi sel, sistem imunisasi, sistem saraf, fungsi otot, tumbesaran dan pembiakan yang normal dan mantap.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	14



*Pengusaha lembu menyuntik hormon bagi tujuan menggemukkan ternakan dan elak penyakit*

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

## ‘Ada individu tawar khidmat’

**Kota Bharu:** Sebahagian pengusaha lembu tempatan di negeri ini, dikatakan mengguna khidmat suntikan hormon ditawarkan individu tertentu, bagi tujuan menggemukkan ternakan, selain mengelak penyakit.

Bagaimanapun, suntikan berkenaan hanya dibuat terhadap lembu yang sudah ditempah pelanggan, memandangkan setiap suntikan dikenakan kos sebanyak RM40.

Pengusaha lembu tempatan yang mahu dikenali sebagai Yoe, 42, mengaku menggunakan khidmat suntikan dianggap sebagai

vitamin, namun tidak mengetahui kandungan sebenarnya kerana pada kefahamannya itu untuk kesihatan lembu.

Dia mengakui, pada awalnya lembu dternak dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk diperiksa dan diberi suntikan, namun sejak beberapa tahun lalu dia menggunakan khidmat ‘rakan’ yang berpengalaman memberi suntikan kerana lebih cepat dan harga jauh lebih murah.

“Bagi pengusaha lembu seperti saya, apa yang disuntik hanyalah ‘vitamin’ semata-mata yang ma-

na baik untuk lembu tanpa mengetahui kandungan sebenar jika ia boleh membawa kesan buruk pada daging ternakan dan kita yang memakannya.

“Sebaik disuntik, lembu itu akan berseiera makan dan berat badannya akan naik.

“Sebenarnya, jika hendak beli sendiri ubat hormon ini agak sukar kerana golongan yang menawarkan khidmat suntik ini mahu melakukan kerjanya sendiri, jadi ia boleh mendatangkan curiga jika mereka sebenarnya mencampurkan vitamin dengan bahan lain,” katanya.

Pekebun alami kerugian ribuan ringgit

# Pisang diserang penyakit Moko

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

**KUALA NERANG** – Kira-kira 50 pekebun pisang di daerah Padang Terap mengalami kerugian ribuan ringgit selepas tanaman diusahakan mereka diserang penyakit Moko sehingga mengakibatkan hasil pengeluaran terjejas.

Pekebun, Mohd. Tarmizi Hashim, 43, dari Kampung Masjid Baru, Mukim Tekal Kiri di sini berkata, penyakit itu mula dikesan pada awal tahun ini.

Katanya, penyakit tersebut menyebabkan daun kekuningan sehingga pucuk seterusnya buah pisang bertukar kehitaman, apabila mencecah usia tujuh bulan lalu busuk.

"Padamulanyasaya mengesyaki masalah daun kekuningan itu disebabkan musim kemarau tetapi selepas diperiksa, bahagian dalam batang pokok sudah mereput.

"Batang pokok yang mereput memberi kesan kepada pokok yang sudah mengeluarkan buah sehingga menyebabkan buah menjadi kehitaman," ujarnya yang mengusahakan dua hektar tanaman pisang ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menurutnya, masalah itu merebak kepada anak pokok pisang dan ia terpaksa dibuang bagi mengelakkan penyakit itu menyerang pokok lain.

"Saya difahamkan ramai penanam pisang di daerah ini turut mengalami masalah sama hingga menyebabkan pengeluaran pisang di daerah ini terjejas.

"Antara jenis pisang yang mengalami serangan penyakit Moko itu adalah nangka, awak, berangan dan abu," ujarnya.

Pengusaha kerepek, Dalina Shafie, 40, memberitahu, dia terpaksa menolak banyak tempahan kerepek berikutan hasil pengeluaran pisang yang terjejas di daerah itu.

"Saya tidak dapat menyedia-



MOHD. Tarmizi menunjukkan pokok pisang di kebunnya yang dijangkiti penyakit Moko sejak awal tahun lalu.



PISANG akan menjadi kehitaman akibat terkena penyakit Moko.

kan tempahan kerepek pada tahun ini dan kebiasaannya pada hari raya, saya menyediakan tempahan sebanyak dua tan kerepek pisang nangka," ujarnya.

Sementara itu, Penolong Pegawai Pertanian Padang Terap, Mohd. Zul Helmi Mat Zaki berkata, masalah penyakit Moko itu sudah dikenal pasti sejak dua tahun lalu di daerah berkenaan.

Menurutnya, pekebun disyor melakukan sanitasi ladang supaya dapat menghapuskan bakteria yang menjangkiti tanaman.

"Selepas melakukan sanitasi, pekebun juga dinasihatkan menanam pokok kontan supaya bakteria penyakit itu akan terhapus dengan sendirinya. Ia dapat dilakukan dengan menanam tanaman kontan secara selingan selama dua pusingan," ujarnya.

Tambahnya, sebagai contoh, mereka boleh menanam ubi, jagung, labu dan sayuran lain selama dua pusingan kemudian disusuli tanaman pisang semula.

# OKU cekal usahakan ternakan ikan sangkar

**PARIT BUNTAR** - Siapa sangka tanpa mendapat bimbingan mana-mana pihak termasuk agensi berkaitan, seorang usahawan orang kelainan upaya (OKU) mampu mengusahakan ternakan ikan sangkar laut lepas.

Mohd. Nazri Hussein, 42, yang mengusahakan ternakan tersebut di perairan Tanjung Pian-dang di sini sejak dua tahun lalu kini mempunyai 80 petak ikan sangkar.

Antaraya spesies ikan merah, siakap, jenahak, nyok nyok dan ikan kerapu.

Dia yang mengalami kecacatan pada tangan kiri sejak lahir bagaimanapun bukan melalui jalan mudah untuk mengecapi kejayaan tersebut.

Mohd. Nazri berkata, dia memulakan perniagaan itu dengan modal RM5,000 untuk membeli sangkar-sangkar ikan terpakai sebelum dibalik pulih dengan dibantu dua orang pekerja.

"Di kawasan ini terdapat 20

pengusaha ikan sangkar laut lepas dan saya satu-satunya pengusaha bumiputera.

"Sungguh pun begitu, rakan-rakan pengusaha Cina banyak membantu misalnya memberi nasihat selain mendapatkan pembeli," ujarnya ketika ditemui Kosmo! Ahad baru-baru.

Ikan-ikan ternakan tersebut kini dibekalkan kepada pembeli untuk dihantar kepada pembeli di Kuala Lumpur.

Mohd. Nazri memberitahu, dia juga pernah berhadapan kerugian ribuan ringgit apabila ikan ternakannya mati akibat perubahan kualiti air pada tahun lalu.

Bagaimanapun, dugaan itu tidak mematahkan semangatnya untuk bangkit, sekali gus membuktikan golongan OKU cekal cabaran.

"Berkat kesabaran dan ketanggungan saya bersama tenaga kerja, kini hasil bulanan pendapatan saya RM10,000 sebulan," ujarnya.



**MOHD. NAZRI** menunjukkan ternakan ikan sangkar laut lepas yang diusahakan dekat Tanjung Pian-dang, Parit Buntar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2020	SINAR HARIAN	NEGERI/ SELANGOR.KL/ PAHANG/ P.PINANG	39

# Pahang rugi RM30 juta

Kerugian hasil cukai tanah itu akibat penanaman durian secara haram di Raub

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN  
NIK MIN

**KUANTAN**

**K**erajaan Pahang dianggarkan mengalami kerugian sebanyak RM30 juta hasil cukai tanah akibat penanaman durian secara haram di kawasan seluas 4,400 hektar di Raub.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak berkata, nilai kerugian itu berdasarkan kadar terendah pajakan dan cukai ta-

nah untuk tempoh 10 tahun.

Menurutnya, kerajaan negeri akan menggunakan peruntukan undang-undang secara tegas ke atas pencerobohan tanah kerajaan dan hutan bagi tujuan itu selain melindungi industri durian tempatan.

“Bagi mengatasi masalah itu, Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang (PKPP) dan Royal Pahang Durian Group diarahkan menyelesaikan isu penanaman durian secara haram itu melalui kaedah terbaik untuk menjaga kepentingan semua pihak.

“Sebagai tambahan, mereka perlu mematuhi keperluan peraturan alam sekitar, Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan peraturan-per-



**SALLEHUDDIN**

aturan berkaitan,” katanya melalui satu kenyataan di sini semalam.

Sallehuddin berkata, durian yang dikeluarkan dari ladang haram jelas tidak memiliki pensijilan myGAP, melanggar peraturan dan menyalahi protokol pengekspor-

tan sekali gus boleh menjejaskan industri durian negara selain memberi kesan terhadap alam sekitar dan turut menjejaskan kelestarian alam khususnya hutan simpan dan sumber air.

Isu pencerobohan tanah melibatkan penanaman durian secara haram itu sebelum ini dibangkitkan Ahli Parlimen Raub, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji dalam Dewan Rakyat pada 23 Julai lalu.



## ENVIRONMENTAL PRESERVATION

# PAHANG'S SOLUTION TO 'MUSANG KING CRISIS'

State govt appoints new company to resolve land encroachment issue, boost state revenue and assist farmers

T.N. ALAGESH  
RAUB  
news@nst.com.my

**G**ROWING demand for the premium Musang King durian has resulted in widespread unregulated land clearing near here to make way for orchards.

The situation had led the state government to appoint Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd to help put an end to unbridled deforestation.

A source from the state government told the *New Sunday Times* that there had been growing concerns over huge areas being cleared to cultivate Musang King durian trees in the district.

The source said to make matters worse, some farmers had encroached on forest reserves and water catchment areas to expand their durian orchards.

"Failure by the state government to enforce drastic measures might allow the farmers to explore and pose a further threat. As of now, one company (Royal Pahang Durian Resources PKPP) has been put in charge to address the issue.

"The state government is concerned about the unregulated land-clearing activities as the majority of farmers have no documents and have been planting durians illegally for 40 years.

"The state government is also losing millions of ringgit in revenue," the source said.

He said the move to grant Royal Pahang Durian Resources PKPP the lease and land use rights for 2,167ha of land here would address three major concerns — land encroachment, revenue for the state and assisting the farmers.

"The land clearing is now unregulated and may worsen if no immediate measures are taken.

"The company will streamline the sale of durians, complying



(Top) A Musang King durian.  
(Left) Kampung Sungai Klau is one of the well-known places in Raub, Pahang, for growing Musang King.  
PIX BY FARIZUL HAFIZ AWANG

with environmental regulations, and the state government will earn revenue from taxes.

"Since the farmers have put in a lot of effort and spent money over the years to grow the durians, it will be unfair to expel them. But allowing them to continue (illegally) will also not be fair to others (public), who have been applying for land.

"So now, the company can mediate a win-win situation. The state government will not lose (land and revenue) and the farmers can continue working on their existing farms."

On allegations that farmers were in the dark about the deal, the source said the state government was in no position to interfere as it had given the land to Royal Pahang Durian Resources PKPP.

"It is up to the company how they plan to manage the project. The state government has handed the task to the company, and they would take the lead.

"The state government will not be involved in any briefing session or meeting with the farmers."

It was reported on Monday that some 1,000 durian farmers in Sungai Ruan, Sang Lee, Sungai Chetang, Tras, Tranum and Sungai Klau were hoping for an explanation of the joint venture, which could largely decide the fate of the Musang King business.

Tras assemblyman Chow Yu Hui had criticised the state government for disregarding durian farmers' livelihood by setting up Royal Pahang Durian Resources PKPP without consulting them, which he claimed might severely impact the durian industry, leading to a possible "Musang King crisis".

It was reported that Royal Pahang Durian Resources PKPP, a joint venture between the Royal Pahang Durian Group and Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang, will participate in the land legalisation exercise here.

Farmers had reportedly said they could continue cultivating their orchards with an agreement to sell their products through Royal Pahang Durian Resources PKPP.